

PENGENALAN RINGKAS

ILMU TARANUM

Disediakan oleh:

Muhammad 'Izzan bin Idris

- ❖ Exco Pembangunan Al-Quran (Belia dan Remaja)
Persatuan Tarannum Pahang (PTP)
- ❖ Guru Taranum Institut Kemahiran Membaca Al-Quran Idrisiyyah (IKMAL)

Maksud Tarannum bi Al-Quran: Merupakan ilmu dan proses yang mempelbagaikan irama dan nada suara untuk memberikan kecantikan pada bacaan ayat Al-Quran.

Dalil berkaitan ilmu Tarannum:

قَالَ تَعَالَى: ﴿...وَرَقِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ۝٤﴾ المزمّل: ٤

...dan bacalah Al-Quran dengan cara Tartil. (Al-Muzzammil: 4)

- Ibn Manzur menukilkan bahawa Tartil bermaksud sebaik-sebaik bacaan, jelas serta terang serta perlahan-lahan.
- Sayyidina Ali berpendapat Tartil ialah,

تجويد الحروف ومعرفة الوقوف


Maksud: Memperelokkan sebutan huruf dan mengetahui tempat-tempat waqf dan ibtida'.

Rasulullah saw bersabda:

زِينُوا الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ فَإِنَّ الصَّوْتَ الْحَسَنَ يَزِيدُ الْقُرْآنَ حُسْنًا

Hiasilah Al-Quran dengan suara kamu, suara yang baik akan menambahkan lagi keelokan dan kecantikan Al-Quran. (Mirqat al-Mafatih Syarah Mishkah al-Masabih – Mulla Ali Al-Qari)

Ini bermakna bahawa Tartil ialah bacaan yang penuh berhati-hati, tajwid dan makhrajnya sempurna dengan alunan bacaan Al-Quran yang menarik.



Keperluan bertaranum? Nabi saw bersabda:

ليس منا من لم يتغن بالقرآن


Bukanlah dari golongan kami, sesiapa yang tidak bertaranum dengan Al-Quran. (Musnad – Imam Ahmad)

Ibn Jawziy berkata perkataan Al-Taghanni mempunyai beberapa maksud:


- Memperelokkan suara
- Merasa kaya dan cukup dengan Al-Quran
- Bersedih dan berduka iaitu dengan suara yang halus, lembut, berseni serta khusyuk yang dapat mewujudkan suasana syahdu
- Menyibukkan diri dengan urusan Al-Quran
- Ceria, seronok dan gembira dengan Al-Quran

Khatib Asy-Syarbini berkata, memperelokkan suara ketika membaca Al-Quran adalah sunat.

Imam An-Nafrawi Al-Maliki berkata bahawa membaca Al-Quran dengan suara yang baik beserta Taranum dan Tajwid yang digariskan syarak, tidak ada salah padanya bahkan mendatangkan khusyuk dan memikirkan ayat-ayat Allah.



TINGKATAN SUARA (Corong suara)



KESIMPULAN

Hukum Tarannum adalah harus bahkan sunat sekiranya bertujuan memperelokkan bacaan Al-Quran serta mengikut hukum tajwid yang tepat.

Ghuluw atau melampau-lampau sehingga merosakkan tajwid adalah disepakati haram.

RUJUKAN

Pro dan Kontra Tarannum di dalam Tilawah Al-Quran: Satu Perbandingan Muhammad Lukman bin Ibrahim, Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff dan Mustaffa Bin Abdullah.

LAKARAN ASAS MEMBENTUK TARANNUM NAHAWAND

Harakat 4 (Persediaan penutup)	Suara
	Sangat tinggi
	Tinggi
وَإِذَا قِيلَ لَهُ اتَّقِ اللَّهَ أَخَذَتْهُ الْعِزَّةُ بِالْإِتْمَانِ	Sederhana
	Rendah

Harakat 5 (Penutup)	Suara
	Sangat tinggi
فَحَسْبُكُمْ جَهَنَّمُ وَلَبِئْسَ الْمَلْبَدُ	Tinggi
	Sederhana
	Rendah

مُحَمَّدٌ عَبْدُ اللَّهِ الَّذِي هُوَ الْبَرُّ

Harakat 1 (Pengenalan)	Suara
	Sangat tinggi
	Tinggi
وَإِذَا تَوَلَّى سَوَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا	Sederhana
	Rendah

Harakat 2 (Rangsangan & Jawab)	Suara
	Sangat tinggi
لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ	Tinggi
	Sederhana
	Rendah

Harakat 3 (Jawabul Jawab)	Suara
	Sangat tinggi
وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفَاسَادَ	Tinggi
	Sederhana
	Rendah

عَلَى مَا فِي قَلْبِهِ ۖ وَهُوَ أَلَدُّ الْخِصَامِ ﴿٢٠٤﴾ وَإِذَا تَوَلَّى سَعَى
فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ
لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ ﴿٢٠٥﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُ اتَّقِ اللَّهَ أَخَذَتْهُ الْعِزَّةُ
بِالْإِثْمِ فَحَسْبُهُ جَهَنَّمُ وَلَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿٢٠٦﴾ وَمِنْ



Muhammad Izzan



izzanidris

